

BN Melaka Senarai 30 Peratus Muka Baru Pada PRU-13
Bernama
15 Mei, 2012

MELAKA, 15 Mei (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Melaka menyenaraikan 30 peratus muka baru untuk bertanding di negeri itu pada pilihan raya umum ke-13.

Ketua Menteri yang juga Pengerusi BN negeri Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata perkara itu adalah amalan lazim BN Melaka pada pilihan raya umum.

Senarai nama calon terbabit telah diserahkan kepada pucuk pimpinan parti untuk diperhalusi, katanya kepada pemberita selepas melawat kilang Panasonic Industrial Devices Semiconductor (M) Sdn Bhd, di Batu Berendam, di sini Selasa. ini.

Mengulas mengenai tindakan Naib Pengerusi DAP Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim meninggalkan parti terbabit selepas dikecam pemimpin DAP susulan kenyataannya berhubung perhimpunan pada 28 April lepas, beliau berkata itu adalah tindakan wajar.

Mohd Ali berkata tindakan Abdul Aziz membuktikan DAP parti kuku besi yang tidak membenarkan anggotanya mempunyai pandangan sendiri.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=666424>